

## BATASAN TARIAN DALAM MAJLIS MAULID

### *Regulations of Dance in Maulid Ceremony*

Sharifah Nadirah Nasibah bte Ahmad Al Jafari<sup>i</sup>, Syed Muhammad Adib Termizi bin Ahmad Al Jafari<sup>ii</sup>

<sup>i</sup>Calon PhD Fakulti Syariah dan Undang-undang USIM semutku.9104@yahoo.com

<sup>ii</sup>Pensyarah bebas Singapura, Alumni PhD Fakuliti Syariah Undang-undang, USIM. [md\\_adib1@hotmail.com](mailto:md_adib1@hotmail.com).

<b>Abstrak:</b>	<b>Abstract:</b>
<p>Syarik tidak melarang seseorang itu mengungkapkan kegembiraannya, terutama apabila kegembiraan tersebut sememangnya digalakkan syara' seperti mensyukuri kelahiran Nabi Muhammad s.a.w. Ada di antara para sahabat menunjukkan kegembiraan mereka apabila bertemu Nabi Muhammad s.a.w dengan nyanyian dan juga tarian. Dewasa ini, terdapat beberapa kumpulan yang mengadaptasi perbuatan sebahagian sahabat tersebut dalam majlis maulidur Rasul. Mereka mempersempitakan tarian dalam majlis tersebut dengan pelbagai cara dan gaya. Sudah semestinya pekerja ini mendatangkan kekeliruan dan membangkitkan konflik serta kontroversi dalam kalangan masyarakat yang tidak terbiasa dengan uruf ini. Kajian ini bertujuan menerangkan pandangan fikh mengenai tarian, batasan dan larangan yang terdapat di dalamnya. Hal ini kerana setiap perbuatan manusia itu mempunyai garis panduan yang perlu dipatuhi agar ia tetap berada dalam lingkungan maslahat dan tidak mengundang kerosakan. Kajian ini terlebih dahulu akan membezakan antara makna perkataan 'tarian' dengan perkataan lain yang mempunyai makna hampir serupa dengannya. Seterusnya mengumpulkan pendapat para fuqaha dalam masalah tarian berserta hujah-hujah mereka lalu membahaskannya sebelum memilih</p>	<p><i>Syara' do not forbid a person to express his excitement, especially when the excitement is indeed instructed by Syara' as grateful to the birth of Prophet Muhammad s.a.w. Some of the Prophet's companions showed their excitement when they met the Prophet s.a.w by singing and dancing. Nowadays there are several groups that adapted the act of some of the companions in the event of the Prophet's Maulidur Rasul. They performed dances in the event with a variety of styles and ways. These acts clearly brought confusion and the lack of understanding resulted in conflict and controversy among the people who are not accustomed to this uruf. The study aims to explain the Islamic legal views of the dance, its boundaries and the prohibition contained in it. This is because every human act has a guideline that must be followed so that it remains practical and does not create any damage. This study will first distinguish between the meaning of the word 'dance' with other words that have the meaning almost identical to it. The authors collect the opinions of the fuqaha in dance issues and their arguments and debate them before choosing the most appropriate opinion among them. Descriptive approaches are used to describe the dance performed by some groups in the Maulidur Rasul ceremony to see how appropriate it is to the purpose of the</i></p>

<p>pendapat yang paling tepat di antaranya. Pendekatan deskriptif digunakan bagi menggambarkan tarian yang dipersembahkan sebahagian kumpulan dalam majlis maulid bagi melihat kesesuaianya dengan tujuan majlis tersebut. Hasil kajian menunjukkan bahawa tarian yang ingin dipersembahkan perlulah dibatasi dengan batasan yang akan menjaga ketenangan majlis, tidak melalaikan peserta dan mengganggu tujuan majlis maulid itu.</p> <p><b>Kata kunci:</b> Tarian, kebudayaan, majlis maulid, kemasyarakatan, kemaslahatan.</p>	<p>event. The results show that the dance to be performed should be restricted to the limitation that will keep the ceremony composed, not distracting the participants and disrupting the purpose of the Maulidur Rasul ceremony.</p> <p><b>Keywords:</b> Dance, culture, Maulid, community, benefit.</p>
--	--

## PENDAHULUAN:

Allah Taala tidak hanya meletakkan kebaikan dan kemaslahatan untuk manusia melalui ciptaan-Nya, bahkan Dia turut menghiasi ciptaan tersebut demi menjadi sebuah pemandangan indah yang dapat dinikmati manusia. Amat mustahil Allah Taala mengharamkan keindahan setelah Dia memberikan keindahan itu tempat yang tinggi dalam ciptaan-Nya dan di dalam beribadah kepada-Nya.

Firman Allah Taala dalam surah *An Nahl* ayat 5-6:

﴿وَأَلْهَيْنَا عَنِ الْحَمَّامِ خَلْقَهَا لِكُمْ فِيهَا دِفْءٌ وَمَنْعِعٌ وَمِنْ هَا تَأْكُلُونَ. وَلَكُمْ فِيهَا جَمَالٌ حِينَ شُرِبُوكُنَوْنَ وَحِينَ سَسْرُحُونَ﴾

Maksudnya: "Dan binatang-bintang ternak itu, Dia juga telah menciptakannya untuk kamu terdapat padanya benda-benda yang memanaskan tubuh dari sejuk dan beberapa faedah yang lain, dan daripadanya juga kamu makan. Dan bagi kamu pada binatang-binatang ternak itu keindahan ketika kamu membawanya balik untuk berehat dan ketika kamu membawanya keluar.

FirmanNya lagi:

﴿وَلَقَدْ جَعَلْنَا فِي السَّمَاوَاتِ بُرُوجًا وَزَيَّنَاهَا لِلنَّظَرِينَ﴾

Maksudnya: "Dan demi sesungguhnya! Kami telah menjadikan di langit gugusan bintang-bintang dan Kami telah menghiasinya untuk orang-orang yang melihatnya". (*Al Hijir*, 15:16).

Ayat ke-7 dari surah *As Sajadah* menunjukkan secara keseluruhannya dalam setiap ciptaan Allah Taala ada unsur keindahan untuk dinikmati dan ditatapi.

﴿أَلَّذِي أَحْسَنَ كُلَّ شَيْءٍ خَلْقَهُ﴾

Maksudnya: "Yang menciptakan sesuatu dengan sebaik-baiknya . . .".

Allah Taala juga meminta keindahan itu disertakan dalam beribadah kepadaNya.

FirmanNya dalam surah *Al Muzammil* ayat ke-4:

﴿وَرَزَّلَ أَلْفُ قُرْبَانَ تَرْتِيلًا﴾

Maksudnya: "... Dan bacalah Al Quran dengan *tartil*".

Manakala Nabi s.a.w pula bersabda: (إِنَّ اللَّهَ جَمِيلٌ بِحُبِّ الْجَمَالِ). Bermaksud: "Sesungguhnya Allah itu indah dan menyukai keindahan". (Hadis. ibnu Hibban. 1993. Kitab: Pakaian. #5466).

Manusia pada sisi lain pula adalah sebuah makhluq yang menyimpan banyak bakat, keinginan dan kehendak kepada keindahan. Salah satu yang ingin mereka kembangkan adalah bidang seni. Manusia dan kesenian tidak dapat dipisahkan kerana ia berasal dari gagasan dan perasaan seseorang yang tidak pernah lepas dari masyarakat dan dibesarkan melalui kebudayaan (Nasution: 2017).

Tarian merupakan salah satu cabang seni yang menunjukkan keindahan pergerakkan yang di susun rapi. Mempersembahkannya dalam sebuah majlis akan menambahkan keriangan dan keceriaan. Islam tidak datang untuk menghapuskan karya seni, tetapi untuk mengaturnya agar terjaga kehormatan dan kemaslahatan manusia. Ia juga turut dibatasi sehingga tidak memudharatkan agama seseorang dan agar terjaga kerukunan masyarakat. Kebelakangan ini tarian tidak hanya dipersembahkan di majlis pernikahan dan majlis umum tetapi ia telah mendapat tempat di dalam majlis maulid. Terdapat pelbagai cara tarian yang dipersembahkan dalam majlis maulid tersebut, majlis tersebut dan batasan yang perlu dijaga.

### **PENGERTIAN SENI TARIAN:**

Kepentingan mengetahui definisi tarian adalah untuk membezakannya dengan perkataan lain yang mempunyai maksud yang hampir serupa dengannya seperti bergoyang dan sebagainya.

### **PENGERTIAN SENI:**

Seni adalah sesuatu yang halus, kecil dan elok. Ia juga bermaksud karya yang dicipta dengan bakat dan kecekapan. Ia adalah hasil dan jelmaan rasa indah yang terkandung dalam jiwa manusia, lalu dilahirkan dengan perantaraan komunikasi ke dalam bentuk yang dapat ditangkap oleh pancaindera. Bersebab itu seni akan memberikan kepuasan cita rasa kepada peminatnya. (Kamus Dewan: 2015, Al Baghdadi: 1991)

Ada yang menyebutkannya dengan, sesuatu yang indah dalam pandangan pancaindera manusia, iaitu dari sudut penglihatan atau pendengaran. Seni adalah hasil usaha manusia yang terdapat unsur-unsur keindahan. Seni tidak bermaksud untuk kepuasan semata-mata dan hiburan yang tidak menentu tetapi untuk mendapat pengiktirafan bahawa yang dihasilkan itu adalah seni ia perlu memberikan kebaikan kepada manusia dan masyarakat, mempunyai unsur keindahan dan kebenaran. (Wan Muhammad Afiq & Shariah Kartini: 2017)

Seni dapat dilahirkan dan diekspresikan melalui tiga saluran: (Al Baghdadi: 1991)

1) Seni yang dihasilkan melaui gelombang suara dan ditangkap oleh pendengaran (Auditory art). Ia menggunakan vocal ataupun permainan instrument musik (Instrumental art).

- 2) Seni yang dihasilkan melalui tangan, iaitu seni lukis, sajak, puisi dan segala cabang kesusteraan.
- 3) Seni yang dilahirkan dengan perantaraan gerakkan seperti tarian, pementasan, drama dan sebagainya.

### PENGERTIAN TARIAN:

Kamus dewan bahasa (2015) mendefinisikan tarian dengan: gerakkan badan serta tangan dan kaki berirama mengikut rentak muzik. Ia juga diertikan dengan melompat-lompat kegirangan, bergerak-gerak pantas dan lancar seperti mengetuk-ngetuk jari di atas meja dengan pantas ketika bercakap. Manakala taridara pula adalah drama yang dipersembahkan dalam bentuk tarian.

Ia juga diertikan dengan bentuk gerakkan kesenian yang berhubung dengan gerak badan, kaki, kepala, tangan secara melenggang lenggok, liuk lentik, lemah gemalai dan sebagainya untuk disesuaikan dengan rentak muzik tertentu. Ada juga yang berpendirian bahawa sesuatu itu akan dianggap tarian jika ia dimuatkan dengan gerakkan keindahan dan mempunyai sudut kemewahan.

Ibnu Manzur (1999) pula menyebutkan bahawa tarian (الرقص) adalah bergerak dengan agak cepat dalam permainan atau menunggang unta manakala selain itu disebut dengan *Al Qafzu* (القفز). Gerakkan yang mempunyai naik dan turun juga dinamakan dengan (الرقص). Az Zubaidi (1994) menambah bahawa tarian adalah jenis permainan dan hiburan. Ia digunakan dalam bentuk kiasan bagi menunjukkan mendidihnya air, berjalan dengan cepat sehingga terlihat naik turunnya, makanan menjadi mahal, berkata dengan cepat dan untuk menggambarkan perasaan yang tidak tenang yang sedang berkecamuk.

Kamus Oxford mengertikan *dance* (tarian) dengan sebuah seni gerakkan yang tersusun rapi selaras dengan kecepatan dan bentuk muzik. Ia dipersembahkan sama ada untuk menghiburkan penonton atau sekadar keseronokkan peribadi. Perkataan ini turut membawa makna pergerakkan naik turun sedikit dengan cepat. Antara maknanya yang disebutkan dalam kamus ini ialah, menunjukkan keriangan. Kata *dancer* diambil dari bahasa Perancis kuno sedangkan kata *dance* tidak diketahui asal usulnya.

Dari pengertian di atas dapat disimpulkan bahawa tarian itu adalah sebuah gerakkan di luar kebiasaan atau gerakkan yang dibuat-buat untuk menunjukkan sifat kegembiraan atau sekadar cara untuk menghiburkan diri dan penontonnya sahaja.

Perbezaan tarian dengan bergoyang adalah gerakkan tarian lebih agresif berbanding bergoyang yang hanya dengan mengayunkan badan, tangan dan kaki. Goyangan tidak mempunyai gerakkan yang disusun tetapi hanya sebuah gerakkan sahaja yang diulang-ulang. Tambahan itu goyangan tidak terkait dengan muzik sepertimana tarian.

Seni tarian tergolong dalam seni estetika (fine art). Jenis seni ini turut meliputi seni panggung, muzik, suara, pahat, opera dan lain-lain lagi.

**SEJARAH TARIAN:** (Idris: 1997, Al Baghdadi: 1991, Wan Md Afiq & Shariah Kartini: 2017)

Tarian pada awalnya hanya berkait rapat dengan kepercayaan dan keagamaan. Penganut sesebuah kepercayaan mempersembahkan tarian sebagai tanda kesyukuran kepada para dewa yang mereka percayai, memohon bantuan seperti kesuburan tanaman, kemenangan dalam perang, keselamatan kampung dan keluarga. Tidak kurang juga yang persembahkannya sebagai mengingati sesebuah peristiwa silam atau pahlawan terdahulu.

Tarian kemasyarakatan atau dalam bentuk hiburan hanya berkembang pada kurun ke 14 masehi di Jepun dan 16 masehi di Perancis. Persembahan tarian pada ketika itu hanya terbatas untuk golongan bangsawan, pemimpin negeri dan orang-orang tertentu dan tidak untuk masyarakat awam. Oleh yang demikian ia hanya dipersembahkan dalam balai atau dewan istana.

Dalam kurun ini dewan tarian termayshur berada di Perancis yang dikenali dengan dewan raja Charles ke-9. Pada zaman beliau juga tercipta tarian '*Belly*' di Itali sebelum ia dibawa masuk ke Perancis. Negeri Inggeris mula mengenal tarian apabila pembesar-pembesar Perancis membawa penari-penari mereka ke istana Inggeris sebagai hadiah untuk raja Inggeris.

Sekolah tarian pertama mula dibina pada tahun 1862 masehi di bandar Perancis yang dikenali dengan sekolah tarian diraja. Sekolah ini merupakan hasil daripada perkembangan dan tumpuan yang diberikan oleh golongan atasan terhadap seni tari. Dengan terbinanya sekolah ini, terbitlah jenis tarian berduet antara lelaki dan wanita. Sebelum ini tarian hanya dipersembahkankan oleh penari lelaki atau wanita sahaja. Setelah itu beberapa sekolah tarian mula dibina di merata dunia termasuk di Amerika. Seni tari terus mendapat perhatian khusus dan berkembang dengan pesat sehingga masyarakat awam mula diizinkan untuk mempelajarinya dan melihat persembahannya di dewan umum dan majlis-majlis keramaian.

Seni tari moden lebih cenderung ke arah hiburan dan kecantikan gerakkan sehingga terkadang berlaku aksi yang 'menggilir' meruntuhkan maruah dan tidak tentu arahnya. Ia mulai jauh dari makna sebenar 'tarian' yang merupakan sebuah seni yang menunjukkan kecantikan. Di samping tarian umum ini setiap bangsa, puak dan negeri memiliki tarian mereka tersendiri yang melambangkan identiti mereka. Tarian jenis ini telah lama berakar di dalam masyarakat sebelum datangnya jenis-jenis tarian umum yang dicipta oleh seniman tarian.

Sementara dalam sejarah Islam pula seni tari tidak mendapat perhatian khusus pada zaman Nabi s.a.w. Ini kerana Baginda dan para sahabat tersangat sibuk berjuang dalam menyebarkan dakwah Islam dan mempelajarinya. Para sahabat juga tenggelam dalam keindahan bahasa wahyu sehingga ianya menjadi hiburan mereka. Tarian bukan sahaja tidak menjadi perhatian, bahkan beberapa penyair arab juga berhenti berkarya kerana terpukau dengan keindahan bahasa Al-Quran.

Ini tidak bermakna masyarakat di sekeliling Nabi s.a.w tidak mengenal tarian. Bahkan terdapat beberapa riwayat yang menunjukkan tarian itu dipersembahkan dihadapan Nabi dan para sahabat yang lain. Kebanyakan persembahan tarian di zaman Nabi hanya dilakukan oleh orang-orang Habsyah. Sebahagian sahabat seperti Saidina Ja'far, Ali dan lain-lain pernah meniru gaya tarian orang-orang Habsyah dalam menunjukkan kegembiraan mereka.

Keadaan seni tari tidak banyak berubah pada zaman pemerintahan khulafa Ar Rasyidin. Para sahabat menghabiskan masa mereka untuk mengajar agama Islam kepada golongan yang baru memeluknya dan meluaskan dakwah serta sempadan kerajaan Islam. Begitu juga keadaan mereka yang baru menerima Islam sebagai agama yang baharu, mereka sibuk dalam mendalami ilmu agama sehingga ada yang sanggup meninggalkan pekerjaan hanya semata-mata untuk mempelajari ilmu berkenaan Islam. Keadaan seperti ini berlarutan sehingga akhir pemerintahan kerajaan *Umawiyah*.

Pada zaman akhir pemerintahan *Umawiyah*, masyarakat Islam mula meneroka bidang-bidang baharu akibat daripada hubungan dan percampuran dengan masyarakat dan bangsa lain. Hubungan antara kaum dan bangsa pada ketika ini lebih memperlihatkan masyarakat Islam mempelajari budaya dan kehidupan bangsa lain berbanding mengajari mereka sepertimana yang berlaku pada zaman khulafa Ar Rasyidin. Kitab-kitab bangsa asing mula dipelajari dan diterjemahkan seperti kitab-kitab Yunani, Yahudi, Parsi dan sebagainya. Antara kitab yang mendapat perhatian terjemahan adalah kitab mengenai budaya tarian dan keseniannya. Pada zaman ini telah mula kelihatan pengaruh seni tari memasuki istana-istana, rumah pegawai kerajaan dan kediamaan orang ternama. Ini adalah akibat daripada kemewahan yang diwarisi oleh kerajaan dan tumpuan kepada soal agama yang semakin berkurangan.

Lanjutan daripada pengenalan masyarakat Islam terhadap budaya dan kesenian bangsa asing, sekolah-sekolah kesenian mulai dibangunkan di beberapa bandar besar kerajaan Islam pada pemerintahan *Abassiyah*. Sekolah-sekolah ini membekalkan kepada para pelayan wanita di istana dan kediaman orang kaya kemahiran menyanyi, menari dan bermain muzik, kerana ia telah menjadi syarat yang perlu dipenuhi bagi mereka yang ingin bekerja di tempat-tempat tersebut. Para penjual hamba terpaksa menghantar hamba-hambanya ke sekolah ini agar nilai hamba mereka naik dan dapat dijual dengan mahal. Hiburan telah menjadi seakan kemestian di dalam kehidupan orang-orang kaya dan ternama pada ketika itu. Maka seni tari berkembang dengan pesatnya seiringan dengan seni nyanyian, syair dan musik.

Para ulama yang menyaksikan perubahan budaya ini tidak hanya duduk diam. Mereka menyusun kitab sebagai tanda bantahan dan teguran kepada pemerintah. Ibnu Taimiyyah menulis sebuah kitab yang berjudul "رسالة في السمع والرقص والصلوة" dengan tujuan mencela tarian dan penari. Beliau bukanlah orang pertama yang mengorak langkah seperti ini, bahkan terdapat ramai ulama sebelumnya yang

berbuat demikian. Namun dalam kekerasan ulama yang menentang tarian, terdapat juga golongan ulama yang lebih mirip kepada membetulkan kesalahan daripada membanteras secara menyeluruh seni tarian ini. Mereka menulis buku yang menerangkan bahawa tarian itu adalah harus selagi menepati syarat dan adabnya. Di antara mereka ialah Imam Al Halabi dengan buku berjudul “الرهص ” والوقص لمستحل الرقص”.

Serangan Mongol ke atas kerajaan *Abbasiyah* merupakan sebuah malapetaka besar dalam sejarah Islam. Ia bukan sahaja meruntuhkan kerajaan Islam kedua itu bahkan ia turut menghancurkan kota-kota besar, merosakkan bangunan-bangunan dan memusnahkan tamadun dan peradaban umat Islam. Karya-karya masyarakat Islam dibakar dan dilenyapkan, tidak terkecuali karya berkenaan seni tarian turut menempuh nasib yang serupa.

Implikasi moral ke atas kaum muslim dari serangan ini tidak kurang hebatnya dari kemusnahan fizikal. Para seniman tidak lagi mempunyai kekuatan dan semangat untuk terus berkarya akibat kesan dari serangan Mongol ini. Mereka sudah tidak mempunyai tempat untuk mempersembahkan hasil seni mereka. Tambahan daripada itu, mereka sudah tidak mendapat sokongan dari masyarakat pada ketika itu kerana tiada sesiapa yang berminat terhadap seni di kala mengharungi detik-detik kesusahan tersebut.

Kemurungan lapangan seni ini hanya menemui titik kebangkitan pada pemerintahan kerajaan *Uthmaniyyah*. Pada zaman ini kegiatan seni disuntik dengan nafas baharu dengan memperkenalkan beberapa cabang kesenian terutama seni kesufian. Melalui cabang utama ini lahir nyanyian berunsur kesufian dan tarian sufi.

Kebanyakkan penyanyi, pemuzik dan penari pada zaman ini berasal dari golongan hamba sahaya. Mereka yang memiliki bakat nyanyian dan tarian yang tinggi hanya mempersembahkan bakat seni yang dimiliki kepada tuan mereka sahaja. Pada beberapa ketika golongan ini membuat persembahan kepada kerabat dan sahabat terdekat tuan mereka. Golongan yang kurang berbakat pula akan membuat persembahan di khalayak ramai, tetapi pada skala lingkungan yang kecil dan jenis tarian yang tertentu sahaja seperti tarian yang dipersembahkan dengan cara duduk sahaja, yang pernah menjadi mayshur pada kerajaan Islam Riau.

Berkembangnya seni dalam pemerintahan Islam tidak bermakna berkembangnya maksiat dalam kerajaan Islam pada ketika itu. Para pemerintah daerah dan kerajaan memberi kuasa penuh kepada hakim dan kadi untuk menangkap penyanyi, penari dan pemilik mereka serta memecahkan alat-alat hiburan jika di dapati mereka keterlaluan dan melampaui batas dalam kegiatan seni mereka atau melanggar syarat dan adab syara'. Tidak ada istilah pada hari tersebut penyanyi dan penari yang dibayar untuk mempersembahkan nyanyian atau tarian mereka di khalayak ramai kemudian dikutip keuntungan dari mereka yang hadir menyaksikan persembahan tersebut.

Apabila kerajaan Islam diruntuhkan oleh penjajahan barat, maka mula terbit tarian, nyanyian dan persembahan berunsur maksiat dan bercampur antara lelaki dan wanita. Kesenian masyarakat Islam mula diolah kembali dengan diserapkan unsur-unsur budaya golongan bukan Islam sama ada dari cara persembahannya, seni katanya, falsafahnya dan lain-lain lagi.

#### **JENIS-JENIS TARIAN:** (Aji Nahari: 2017, Idris: 1997, Wahyuni: 2017)

Tarian dapat dilihat dari beberapa aspek dan sudut pandangan. Setiap aspek pula dapat dibahagikan kepada beberapa jenis:

#### **PEMBAHAGIAN TARIAN MENGIKUTI KOREOGRAFI:**

Tarian itu terbahagi kepada empat jenis mengikut koreografinya atau penari yang mempersesembahkannya:

A) Solo: iaitu seorang penari sahaja yang mempersesembahkan tarian di khalayak ramai. Samada dia seorang wanita atau lelaki, samada diiringi irama musik atau tidak.

B) Duet: Tarian yang di persembahkan oleh pasangan yang terdiri dari lelaki dan wanita atau sesama jenis.

C) Kelompok (Group choreography): Tarian yang dipersembahkan oleh beberapa penari dengan masing-masing mempunyai peranan dan gerakkan tertentu tetapi mempunyai hubung kait dalam usaha menyampaikan sesebuah masej atau melambangkan perasaan.

D) Tarian klosal: iaitu tarian beramai-ramai dengan kesemua penari mempunyai gerakkan yang sama dan tidak saling melengkapkan atau mempunyai jalinan. Ia disertai oleh banyak kelompok bagi menyajikan tarian yang menarik pada skala besar, seperti yang berlaku pada sambutan hari kebangsaan.

#### **PEMBAHAGIAN TARIAN MENGIKUT TUJUANNYA:**

Seni tarian tidak hanya terbatas pada tarian kemasyarakatan dan hiburan, terdapat juga tarian berunsur kepercayaan, ritual dan keagamaan.

#### **TARIAN KEAGAMAAN:**

Tarian keagamaan pada kebiasaannya dipersembahkan bersempena ritual-ritual tertentu dalam sesebuah agama. Ia dipersembahkan dengan tujuan meminta perlindungan bagi masyarakat dari kesusahan dan bencana, menyucikan diri dan tidak kurang juga yang bertujuan sebagai kemakmuran, kesenangan, kesuburan, kemewahan dan pengkabulan hajat. Termasuk di dalamnya juga tarian memuja dewa-dewa dan menyeru roh-roh jahat atau binatang dengan tujuan menyihir seseorang atau menimpa keburukan ke atas sesebuah kampung.

Tarian ini dikenali dengan tarian sakral (mempunyai kekuatan dan pemujaan). Ia mempunyai beberapa ciri yang membezakannya dari tarian yang lain:

1- Penari taraian ini tidak akan sedarkan diri ketika mempersesembahkan tarian sakral itu sehingga dia dapat membuat beberapa pekara yang boleh mendatangkan

kecederaan kepada dirinya seperti memakan kaca, berguling di atas bara dan sebagainya.

2- Ia tidak mempunyai aturan tertentu kerana gerakkan di dalamnya bersifat spontan sebagai ungkapan dalam menjembatani kehendak jiwa penari tersebut.

3- Kebanyakannya gerakkannya bersifat berulang-ulang.

4- Dihadangkan sajian-sajian tertentu dengan syarat tertentu.

Terdapat juga tarian yang dikenali dengan semi-sakral, iaitu tarian kemasyarakatan yang biasa tetapi ada di selitkan unsur-unsur pemujaan dan penyerapan dari kuasa ghaib seperti tarian piring dan kuda kepang. Ia juga biasa diadakan pada majlis-majlis kemasyarakatan umum seperti:

1- Tarian mentawai dalam adat pernikahan di sumatera barat.

2- Tarian seru kajo sebagai permohonan restu sebelum membina rumah.

3- Tarian Kabokang sebagai upacara memberkahi bayi yang baru di lahirkan. Demikian juga halnya dengan tarian Wolane.

4- Tarian Kanja seumpama tarian perang. Dipersembahkan bagi mengingati pahlawan-pahlawan peperangan dahulu.

### **TARIAN ISTANA:**

Tarain istana adalah tarian yang hanya boleh dipersembahkan kepada sultan dan kerabat diraja pada upacara dan adat istiadat istana sahaja. Ia mempunyai gerakkan yang lembut gemilai dan ketertiban sesuai dengan adat di hadapan seorang sultan. Ia juga dipersembahkan pada dewan yang khusus, dikenali dengan balai tarian atau dewan tarian. Para sultan juga mempunyai penari istana yang disaranya agar mereka sentiasa mempertingkatkan kemahiran tarian mereka.

### **TARIAN PADA UPACARA MASYARAKAT AWAM:**

Sebahagian bangsa mempunyai tarian tertentu yang akan dipersembahkan mengikut keadaan dan peristiwa yang berlaku seperti pernikahan, pulang dari pelayaran, khitanan, menuai, peperangan dan seumpamanya.

### **TARIAN PERGAULAN:**

Ia adalah tarian yang diadakan untuk mengeratkan hubungan di antara masyarakat, penduduk kampung, penuntut-penuntut sekolah, pekerja-pekerja dan sebagainya. Dapat dilihat dalam tarian ini penonton akan ikut menari dan akan terlibat dengannya secara langsung.

### **PEMBAHAGIAN TARIAN MENGIKUT ASAL USUL TERBITNYA:**

Tarian dapat dibahagikan kepada beberapa jenis bahagian mengikut asal usul terbitnya:

### **TARIAN TRADISIONAL:**

Tarian tradisional adalah sebuah tarian yang mempunyai beberapa gerakkan dengan makna tertentu di sebaliknya. Ia dicipta oleh orang terdahulu dengan

tujuan tertentu. Ia telah melalui perjalanan sejarah yang cukup lama serta diwarisinya secara turun temenurun.

Setiap bangsa, puak dan daerah memiliki tarian tersendiri yang menjadi identiti mereka. Tarian tradisional mempunyai nilai sejarah, pedoman dan diilhamkan oleh kebudayaan sekitaran tempat ia berasal. Ia juga menjadi daya tarikan pelancong ke sesebuah daerah kerana ingin melihat persembahan tarian itu atau mengajinya.

Jenis tarian ini dapat dibahagikan kepada dua:

A) Tarian rakyat: iaitu tarian yang lahir di dalam sesebuah masyarakat dan berkembang di antara mereka. Ia diaspirasikan dari adat kebudayaan setempat dan memiliki gerakan yang sedarhanna begitu juga dengan pakaianya.

B) Tarian klasik: ia adalah tarian yang mempunyai nilai seni yang tinggi dan norma yang cukup kuat serta mengandungi falsafah dan menggunakan konsep simbolik di dalam gerakan-gerakkannya. Tarian ini berawal dari tarian istana dan mempunyai penampilan yang serba mewah.

### **TARIAN KERASI ATAU MODEN:**

Ia adalah tarian yang baharu diciptakan oleh pakar tarian dengan tujuan yang berbagai termasuk hiburan dan kesukaan. Ia berasal atau diterbitkan dari keinginan mengolah, mencipta dan memperbaharui, sehingga terkadang tarian ini berasal dari tarian klasik tetapi telah diubah dan diadunkan dengan sentuhan-sentuhan baru, tetapi tetap mempertahankan nilai-nilai yang terkandung di dalamnya. Tarian ini menjadi lapangan kebebasan yang dapat dimanfaatkan oleh seniman-seniman yang mencari kemungkinan-kemungkinan baru dalam seni tarian.

### **KESENIAN DAN DAKWAH:**

Agama Islam adalah sebuah agama yang merangkumi setiap aspek kehidupan manusia, tidak terkecuali kebudayaan dan kesenian. Jika disusuri sejarah Islam di tanah Melayu ini khususnya, perkembangan Islam tidak dapat dipisahkan dengan budaya. Pendakwah Islam pada zaman kemasukannya telah merangkul budaya untuk menyampaikan ajarannya. Dengan merangkul budaya, Islam menjadi lebih mudah diterima oleh masyarakat yang kemudiannya menghasilkan kejayaan yang besar sehingga jumlah penduduk Islam teramai berada di kawasan ini. (Hasan: 2007 & Azhar Ibrahim. 201) Islam telah membahagikan budaya menjadi tiga bahagian:

A) Kesenian yang tidak bertentangan dengan Islam, seperti syair-syair yang mengajak kepada kebaikan, pembuatan perhiasan-perhiasan yang diharuskan dan lain-lain lagi. Kesenian seperti ini dipelihara oleh Islam bahkan ia menggalakkannya.

B) Kesenian yang sebahagiannya bertentangan dengan Islam. Kesenian seperti ini tidak dihapuskan oleh Islam, bahkan ia dioalah dan disesuaikan dengan nilai-nilai Islam. Contohnya adalah syair masyarakat jahiliyah tidak kesemuanya dipersetujui oleh Islam kerana diantaranya bercanggahan dengan nilai-nilai Islam seperti syair yang mengagungkan arak dan zina, menggalakkan permusuhan, menghina, menyifatkan wanita, membesarlu diri, meratap dan sebagainya. Kandungan syair

seperti ini dibentras dan di ‘rekonstruksi’ oleh Islam sehingga ia menjadi sebahagian dari seni dan budaya agama mulia ini.

C) Kesenian yang bertentangan dengan Islam secara keseluruhannya. Kesenian seperti ini ditentang oleh Islam dan cuba dihapuskannya seperti kesenian memahat patung dan berhala, muzik-muzik yang melalaikan dan sebagainya.

Dokongan dan sokongan Islam terhadap aktiviti kesenian dapat dilihat daripada perhatian yang diberikan kepada seni sastera, menjaga tamadun negeri-negeri yang ditawan, menghidupkan serta mengembangkan beberapa cabang seni yang di dapatkan dari bangsa lain dengan meniupkan nilai-nilai keIslamam seperti reka bentuk seni bina pada masjid-masjid dan istana-istana, seni ukir, kaligrafi, dekorasi yang terdapat pada Al Quran, bajana, pedang dan sebagainya (Nasution: 2017).

Sebagai contoh lagi golongan *Tuban* atau disebut *Islam Abangan* dan *moderat* dari kalangan wali Sembilan di tanah jawa yang berada di bawah pimpinan Sunan Kalijaga dilihat berkompromi dengan seni budaya setempat dengan memasukkan nilai-nilai Islam ke dalamnya. Mereka menggunakan seni budaya jawa dalam menyampaikan dakwah Islam seperti seni tambang, gamelan, wayang kulit dan cabang seni yang lain (Hidayat: 2001. Umar: 1983). Begitu juga halnya dengan Habib Nuh Al-Habsyi yang gemar terhadap wayang cina di dalam kehidupannya, dan menjadikannya sebagai tarikan terhadap masyarakat Cina Singapura untuk mengenali Islam dengan lebih dekta (Unit dakwah masjid Firdaus: 2006).

Dapat disimpulkan di sini bahawa kesenian boleh memainkan peranan besar dalam mengajak manusia kepada agama Islam. Ini dikeranakan seni itu adalah sesuatu yang berhubung dengan hati dan perasaan manusia (Nasution: 2017), apabila ia masuk ke dalam hati manusia bersama nilai dan norma keislaman, maka seseorang itu boleh menerima risalah dan ajaran Islam dengan baik.

### **TARIAN DALAM SUDUT PANDANGAN FIKH:**

Seperti yang telah disebutkan bahawa tarian itu dikategorikan kepada beberapa jenis mengikut cara ia dipersembahkan dan tujuan persembahan itu sendiri. Setiap jenis daripada tarian tersebut mempunyai hukum tersendiri yang telah dibincangkan para *fuqaha*. Sebelum diperhalusi hukum mengenai jenis-jenis tarian, terlebih dahulu diketengahkan perbincangan bersangkutan dasar tarian itu sendiri, apakah ia diharuskan ataupun tidak?

Para ulama telah berselisih pendapat mengenai dasar atau asas hukum tarian itu:

**Pendapat pertama:** Menari pada dasarnya adalah harus, terutama jika ia berpuncak daripada kegembiraan yang diharuskan seperti kepulangan seseorang dari safar, perayaan dan lain-lain lagi. Akan tetapi hukum dasar ini akan berubah kepada haram jika mana:

1- Tarian tersebut diiringi oleh pekara yang haram seperti alat muzik bertali atau nyanyian yang melalaikan.

2- Tarian yang dipersembahkan itu menyerupai tarian yang dikenali dengannya orang-orang fasik dan kafir.

3- Maruah seseorang akan tercemar bersebab dengan menari samaada bersebab gaya tarian yang dipersembahkan atau tarian itu berlangsung dalam waktu yang lama atau dengan sebab-sebab lain.

4- Tarian itu berbangkit dari sebab yang tidak dibenarkan syarak atau mempunyai tujuan yang haram seperti tarian kerana memenangi perjudian dan sebagainya. (Ar Ramli: 2012, Al Jamal: 2016)

Pendapat ini berhujjah berdasarkan beberapa riwayat yang menunjukkan Nabi s.a.w menunjukkan persetujuan Baginda terhadap tarian yang dipersembahkan dihadapan Baginda. Antara riwayat tersebut:

1- Diriwayatkan bahawa Saidina Ali, Ja'far berhajal ketika melihat Nabi salallahi alaihi wasallam sepulangnya beliau dari Habsyah (Al Halabi. 2008, At Thabrani: 1995). *Hajal* ialah tarian orang-orang Habsyah dalam menunjukkan kegembiraan dan dalam membesarakan ketua-ketua mereka. Ia dilaksanakan dengan gerakan dan lompatan menggunakan hanya sebelah kaki sedangkan sebelah kaki pula diangkat sebagai tanda kegembiraan (Al Baihaqi: 2007, Idris: 1997). Pekara sama juga diriwayatkan daripada Saidina Zaid bin Harithah dan Saidina Ali ketika mereka mendengar pujian Nabi keatas mereka. (Al Baihaqi: 2007).

Dalam hadis ini dilihat Nabi s.a.w mendiamkan tarian *hajal* yang dilakukan oleh para sahabat Baginda sebagai tanda kegembiraan. Jikamana tarian itu pada dasarnya adalah haram sudah pasti Baginda akan melarang mereka menari, kerana seorang Nabi tidak akan mendiamkan pekara yang mungkar.

2- Saidina Anas meriwayatkan bahawa orang-orang Habsyah datang untuk bertemu Nabi s.a.w, lalu mereka menari apabila melihat Baginda sambil mengalunkan nyanyian di dalam bahasa mereka: "(Nabi) Muhammad adalah orang salih". Nabi salallahu alaihi wasallam bertanya: "Apa yang mereka katakan? Dijawab oleh salah seorang sahabat yang berada disitu: "Mereka mengatakan: "(Nabi) Muhammad adalah orang salih". (Hadis. Ibnu Hibban. 1993. Kitab: Pekara yang dilarang dan yang diharuskan. #5870)

Hadis di atas juga memperlihatkan persetujuan (*taqrir*) Nabi s.a.w terhadap tarian. Kerana jika mana perbuatan itu adalah haram maka sudah tentu Nabi s.a.w akan melarangnya.

3- Diriwayatkan dari Saidatina Aisyah bahawa: Orang-orang Habsyah datang bermain perisai dan tombak diperkarangan masjid pada hari raya. Nabi s.a.w bertanya kepada ku, apakah aku ingin melihatnya. Aku menjawab: "Ya". Nabi s.a.w lalu mendirikan ku di belakang Baginda dan aku meletakkan dagu ku di atas bahu Nabi sehingga aku berpaling daripada melihat mereka". Saidatna Aisyah menerangkan berapa lamakah beliau melihat tarian itu dan betapa sabarnya Nabi s.a.w menemani beliau dengan pertanyaannya: "Perkirakanlah berapa lama seorang kanak-kanak perempuan yang masih kecil hendak bermain". (Hadis. Al Bukhari. 1986. Kitab: Dua hari raya. #949, Kitab: Pernikahan. #5236)

Didapati daripada riwayat ini Nabi s.a.w menyaksikan tarian perang yang dipersembahkan oleh orang-orang Habsyah dan mengajak saidatina Aisyah untuk melihat sama. Perbuatan Nabi s.a.w ini menunjukkan persetujuan Baginda kepada

tarian. Justeru hukum asas bagi tarian adalah harus, kerana jika kamanya ianya ditegah oleh syarak sudah tentu Baginda tidak akan menyaksikannya kerana ia menandakan persetujuan.

5- Abu Hurairah meriwayatkan: Dikala orang-orang Habsyah bermain (menari) disisi Nabi s.a.w dengan tombak mereka, datanglah Saidina Umar dengan hasrat untuk melempari mereka dengan tanah. Nabi s.a.w lalu bersabda kepadanya: "Tinggalkanlah mereka wahai Umar" (Hadis. Al Bukhari. 1986. Kitab: Jihad #2901). Dalam riwayat lain ditambah: "Agar mana Yahudi mengetahui bahawa di dalam agama kami ini mempunyai kelapangan, dan aku diutus dengan membawa agama yang hanif (lurus) lagi lapang".

Riwayat ini menunjukkan terdapat keringanan dalam melihat permainan dan tarian jika ia tidak diiringi dengan maksiat dan perbuatan haram.

Selain berpegang dengan riwayat diatas golongan pendapat pertama ini juga menyokong keputusan mereka dengan mengqiyaskan keharusan menari dengan gerakkan yang lain (As Syarbini: Tt). Iaitu seperti mana gerakkan biasa diharuskan, maka gerakkan tarian jika tidak menyerupai wanita adalah harus kerana ia adalah dari bahagian pergerakkan.

**Pendapat kedua:** Tarian adalah haram secara mutlak samada terdapat penyerupaan dengan ahli maksiat atau tidak, samada tarian itu beriringan dengan pekara yang diharamkan atau tidak dan samada ia berpunca dari kegembiraan yang harus atau tidak. Bagi golongan pendapat kedua ini, tarian adalah ditegah pada dasarnya.

Bahkan sebahagian mereka seperti Al-Bazaziyah menukilkan ijma mengenai larangan menari. Al-Karmani pula menganggap mereka yang mengharuskan tarian telah kufur, pendapat seperti ini juga dinukilkan oleh ibnu Abidin (2003). Pendapat ini mendapat sokongan daripada ibnu Abdis Salam (Tt), ibnu Taimiyah dan para ulama di India (Al Balkhi: 1986). Mereka mengatakan bahawa Allah Taala dan RasulNya tidak pernah menyuruh beribadat dengan melakukan tarian. Mereka berpegang kepada beberapa hujjah diantaranya:

1- Firman Allah Taala dalam surah *Al Furqan*, ayat 63:

﴿وَعَنِادُ الْرَّحْمَنِ مِنْ الَّذِينَ يَمْشُونَ عَلَىٰ أَلْهَارِضِ هَوَانًا﴾

Maksudnya: "Dan Hamba-hamba Tuhan yang Maha pengasih itu apabila berjalan di atas muka bumi dengan rendah hati . . ."

2- Firman Allah Taala dalam surah *Al Luqman* ayat 19:

﴿وَأَقِّصِدِي فِي مَشَبِّكٍ وَأَغْطِضِي مِنْ صَوْتِكٍ﴾

Maksudnya: "Dan sederhanalah kamu dalam berjalan dan lunakkanlah suara mu".

Allah Taala menerangkan dari kedua ayat ini bahawa sifat hamba-hambaNya adalah apabila mereka berjalan di atas muka bumi mereka akan berjalan dengan ketenangan, kesopanan dan terhormat menjaga maruahnya sebagai seorang yang

beriman. Hamba Allah tidak akan melangkah dengan kebesaran, keangkuhan dan dengan gaya kehinaan yang dapat menjatuhkan maruahnya sebagai seorang yang beriman. Ayat ini dengan jelas menunjukkan tarian itu bertentangan dengan sifat seorang hamba yang tunduk kepada Allah Taala. Kerana gerakkan di dalam tarian itu dibuat-buat di samping mempunyai unsur tergesa-gesa yang menghilangkan ketenangan.

3- Imam Al Bukhari meriwayatkan di dalam kitab *Al Adabul Mufrad* bahawa saidatina Aisyah telah pergi ke majlis khitan. Di sana beliau mendapati seseorang sedang menari dengan menghayunkan kepalanya dengan kuat, lalu saidatina Aisyah berkata dengan menujukannya kepada perbuatan lelaki tersebut: "Kenapakah ianya seakan kepala syaitan". (Hadis. Al Bukhari. Tt. Kitab: Permainan dalam majlis Khitan, #1262).

Dalam atsar di atas menunjukkan saidatina Aisyah r.a mencela tarian yang sedang berlangsung dalam majlis khitan tersebut, dengan menyifatkannya seperti perbuatan syaitan. Ini menunjukkan bahawa syarak menegah tarian walaupun di dalam majlis kegembiraan yang diharuskan.

4- Tarian adalah perbuatan orang yang lemah fikirannya, kurang maruahnya, berkelakuan seperti kebudak-budakan. Tambahan Nabi s.a.w tidak pernah melakukannya walau sekali dalam meraikan kegembiraan dan kemenangan yang diperolehinya. Jikamana ia adalah pekara terpuji dan tidak meruntuhkan moral serta menjatuhkan maruah sudah tentu Baginda akan menari walau sekali bagi menunjukkan keharusannya. Ini adalah dari sebahagian apa yang dikatakan oleh Izzuddin bin Abdi Salam. (Al Haithami: Tt, ibnu Abdus Salam: Tt).

5- Imam Al Baihaqi meriwayatkan dalam kitabnya *Sunan Al Kubra*, bahawa Allah Taala telah mengharamkan tarian dalam kitab *Taurat*. Firman Allah Taala dalam *Taurat*: "Sesungguhnya Allah Taala menurunkan kebenaran untuk menghilangkan kebathilan. Dia melarang kelalaian, tarian dan seruling" (Hadis. Al Baihaqi. Kitab: Penyaksian. #21603). Imam ibnu Kathir mengatakan dalam tafsirnya bahawa sanad riwayat ini adalah sahih (Ibnu Kathir: 1984).

*Syara man qablana* (شرع من قبلنا) iaitu syariat ummat terdahulu menjadi hujjah dan sumber dalil di sisi mazhab Imam Hanafi, Maliki dan Syafi, dengan syarat tidak terdapat dalil dari syariat Nabi Muhammad yang memansuhkan syariat tersebut (Jalban: 1434H, Banansirah: 2012). Dalam masalah tarian ini, *syara man qablana* menjadi hujjah yang menyokong ayat-ayat Al Quran yang dilihat dan ditafsirkan sebagai ayat yang melarang tarian.

**Pendapat ketiga:** Menari pada dasarnya adalah makruh. Ini adalah pendapat jumhur mazhab Imam Ahmad.

Pendapat yang mengatakan tarian itu pada dasarnya adalah makruh, berhujjah dengan:

1- Menggabungkan dalil-dalil pendapat pertama dan kedua.

Mereka mengatakan bahawa dalil pendapat kedua menunjukkan tarian itu adalah haram, akan tetapi diamnya Nabi s.a.w dari menegurnya atau melarangnya ketika

ia dipersembahkan dihadapan Baginda menunjukkan larangan itu tidak membawa sehingga tahap haram, hanya sahaja ianya makruh.

2- Tidak diriwayatkan bahawa para sahabat sentiasa menyambut kemenangan dengan tarian, sehingga tidak diriwayatkan walau dari seseorang daripada mereka menari ketika pembukaan kota Mekkah. Demikian juga mereka tidak selalu menari ketika bertemu Nabi s.a.w, perbuatan tersebut hanyalah terkadang-kadang dan bukan dari kesemua sahabat kecuali sebahagian kecil dari mereka sahaja. Maka perbuatan sebahagian mereka yang terhad pada beberapa ketika sahaja, menunjukkan tarian itu bukanlah sebuah galakkan atau anjuran.

3- Tarian adalah satu perbuatan yang sia-sia kerana tidak mengandungi sebarang manfaat (ibnu Muflih: 1997).

**Pendapat keempat:** Tarian pada dasarnya adalah dibolehkan jika ia didorong oleh perasaan kegembiraan yang tersangat sehingga tidak dapat dikawal perasaan itu. Tetapi jika perasaan itu masih dapat dikawal maka hukum tarian adalah dibenci. Ini adalah pendapat Imam Al Ghazali (Al Ghazali: 1986, As Syarbini: Tt, Al Haitami: Tt).

Hujjah pendapat keempat ini adalah, mereka yang asyik menyebut nama Allah Taala dan tenggelam dalam *bermusyahadah* kepadaNya tidak lagi dapat mengawal diri mereka sehingga terbit pergerakan yang menyerupai tarian tersebut. Hal keadaan mereka tidak sedar apa yang sedang mereka lakukan, kerana terlalu seronok menyaksikan kebaikan Allah Taala kepada hamba-hambaNya.

Saidina Ali menyifatkan sahabat-sahabat Rasulullah s.a.w ketika berzikir: "Apabila datang waktu pagi maka mereka (para sahabat) berzikir kepada Allah Taala, maka bergoyanglah tubuh mereka seperti bergoyangnya pokok yang ditiup angin dan berhamburan air mata mereka hingga basah pakaian mereka" (Al Asbahani: Tt). Riwayat ini menunjukkan bahawa para sahabat riang ketika menyebut nama Allah Taala dan bergembira ketika mengingati kurniaaNya, sehingga ia membawa mereka kepada tahap kecintaan yang menghamburkan air mata.

### **PENDAPAT PILIHAN:**

Islam tidak datang untuk melarang berkarya dan berseni. Tidak ada di dalam matlamatnya untuk menghapuskan hiburan. Islam datang untuk mendidik hiburan, membataskannya dengan kemuliaan dan kehormatan, jauh dari kerosakan dan kehinaan. Kerana itu terdapat beberapa riwayat dalam sejarah Baginda s.a.w yang menunjukkan bahawa hiburan itu diharuskan di dalam Islam. Tarian adalah salah satu cabang hiburan, ia adalah pergerakan badan yang telah diatur. Bermakna tarian termasuk dalam 'perbuatan' (الأفعال) manusia yang mana pada keseluruhannya ia adalah harus kecuali terdapat dalil nyata yang melarang sesebuah perbuatan itu. Tarian juga merupakan salah satu cara untuk mengungkapkan kegembiraan dan keriangan. Keinginan untuk melakukannya pasti ada dalam jiwa seseorang yang sedang dilanda perasaan gembira yang sangat,

walaupun cara tarian itu mungkin berbeda dari sudut mempunyai susunan ataupun tidak.

Bagi penulis pendapat yang mengharuskan tarian adalah lebih tepat terutama apabila ia dibatasi dengan beberapa batasan:

1- Tarian itu tidak menjatuhkan maruah seseorang muslim kerana pergerakkannya atau lamanya ia dipersembahkan ataupun gerakkan yang membangkitkan syahwat. Bermakna gerakkannya itu mestilah sesuai dan selari dengan identiti seorang muslim.

2- Tarian itu tidak diiringi dengan perkara yang haram atau terdapat maksiat di dalamnya seperti percampuran lelaki dan perempuan, mendedahkan aurat dan sebagainya.

3- Gerakkan tarian itu tidak menyerupai tarian keagamaan atau menyerupai golongan bukan Islam, ahli maksiat dan perempuan jika penari itu lelaki dan sebaliknya.

4- Tarian itu tidak mempunyai unsur pemujaan atau gerakkan yang menceritakan hikayat dewa-dewa dan seumpamanya yang mengandungi unsur mistik dan kepercayaan.

5- Tarian itu berbangkit daripada perasaan gembira yang diharuskan atau hiburan yang dibenarkan.

Kehancuran dalam agama ini disebabkan dua belah pihak. Pihak yang berpendapat bahawa agama ini tidak mempunyai ruang berhibur, bergembira, ketawa dan berseni. Seakan agama itu sesuatu yang serius, tegang, keras dan hanya amal ibadah sahaja. Mereka boleh sahaja bersikap demikian jika itu yang mereka percayai dari ajaran agama ini, tetapi memaksakannya diterima oleh setiap individu yang beragama Islam adalah sebuah pekara yang mustahil.

Ini kerana tarian telah berakar dan sebatи dengan budaya sesebuah bangsa. Ini adalah persoalan yang menyentuh naluri dan keinginan manusia samada yang bertamadun atau tidak. Sehingga mereka yang hidup di tengah hutan juga mempunyai karya seni tersendiri.

Sedangkan pihak yang satu lagi pula seakan memadamkan garisan pemisah antara halal dan haram dan beranggapan bahawa hukum agama itu hanya terbatas di masjid dan amal ibadah sahaja. Mereka mengkehendaki kebebasan tanpa had. Kebebasan itu membawa mereka kepada kemaksiatan di dalam berseni lalu menarik mereka kepada kemudharatan dalam rupa keruntuhan akhlaq, kehilangan maruah, mensia-siakan umur, tenaga dan kewangan dan meninggalkan tujuan kehidupan yang sebenar iaitu mengabdikan diri kepada Allah Taala.

### TARIAN WANITA DI KHALAYAK RAMAI:

Nabi s.a.w menyatakan bahawa tubuh wanita adalah aurat dan menjadi perangkap syaitan untuk mengheret manusia ke dalam lingkaran maksiat. Sabda Nabi s.a.w:

المرأة عورة فإذا خرجت استشرفها الشيطان

Barmaksud: "Wanita itu adalah aurat, maka jika dia keluar syaitan akan menghiasinya" (Hadis. At Termizi. 1983. Kitab: Penyusuan, #1183). Asal kata (الإشراف) adalah meletakkan tangan di atas kening agar dapat melihat dengan lebih jelas tanpa terhalang oleh cahaya matahari dan sebagainya. Kata ini bermaksud syaitan akan menarik pandangan seseorang itu kearah wanita agar mananya dia atau wanita tersebut terfitnah (Al Mubarakfuri: 1998).

Oleh yang demikian, Islam menggalakkan para wanita menghindarkan diri mereka daripada menjadi tumpuan di tengah masyarakat dengan menetap di dalam rumah mereka dan jika mereka keluar dari rumah maka hendaklah menggunakan pakaian yang sederhana . Sabda Nabi s.a.w:

"لَا تَمْنَعُوا إِمَاءَ اللَّهِ مَسَاجِدَ اللَّهِ، وَلِيَخْرُجُنَّ وَهُنَّ تَفَلَّاتٌ".

Maksudnya: "Janganlah kamu melarang wanita daripada pergi ke masjid-masjid, dan jika mereka ke masjid hendaklah mereka keluar dalam keadaan tidak berhias" (Hadis. Abu Daud. Tt. Kitab: Sembahyang, #565).

Demikian juga ditegah para wanita dari melunakkan suaranya ketika berbual dengan lelaki, disuruh untuk melabuhkan tudung mereka, tidak menghentak kaki mereka ketika berjalan dan tidak mengenakan perhiasan atau apa sahaja yang dapat menarik perhatian umum kepadanya. Firman Allah Taala dalam surah *Al Ahzab* ayat ke-32:

﴿فَلَا تَخْضَعْنَ بِالْقَوْلِ فَيَطْمَعُ الَّذِي فِي قَلْبِهِ مَرَضٌ وَقُلْنَ قَوْلًا مَعْرُوفًا﴾

Maksudnya: "Janganlah kamu (para wanita) melembutkan suara dalam berbicara sehingga orang yang mempunyai penyakit di dalam hatinya berkeinginan (kepada kamu) dan ucapkanlah perkataan yang baik".

Firman Allah Taala dalam surah *An Nur* ayat ke-31:

﴿وَقُلْ لِلْمُؤْمِنَاتِ يَغْضُضْنَ مِنْ أَبْصَارِهِنَّ وَيَخْفَظْنَ فُرُوجَهُنَّ وَلَا يُبَدِّلْنَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَلِيَضْرِبْنَ بِحُمْرِهِنَّ عَلَى جُبْرِوْهِنَّ وَلَا يُبَدِّلْنَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا لِيُعَوِّنَهُنَّ أَوْ آبَاءَ بُعُولَتَهُنَّ أَوْ أَبْنَائِهِنَّ أَوْ أَبْنَاءَ بُعُولَتَهُنَّ أَوْ إِخْوَانِهِنَّ أَوْ بَنِي إِخْوَانِهِنَّ أَوْ نِسَائِهِنَّ أَوْ مَلَكَتْ أَمْانَهُنَّ أَوْ التَّابِعَنَ عَيْرَ أُولَئِكَ الْأُرْبَةِ مِنَ الرِّجَالِ أَوِ الطَّفْلِ الَّذِينَ لَمْ يَظْهَرُوا عَلَى عَوْرَاتِ النِّسَاءِ وَلَا يَضْرِبْنَ بِأَرْجُلِهِنَّ لِيَعْلَمَ مَا يُخْفِيْنَ مِنْ زِينَتَهُنَّ وَتُؤْبُوا إِلَى اللَّهِ جَمِيعًا أَئِمَّةُ الْمُؤْمِنَاتِ لَعَلَّكُمْ تُعْلَمُونَ﴾

Maksudnya: "Katakanlah kepada wanita yang beriman, hendaklah mereka menahan pandangannya dan menjaga faraj mereka, dan janganlah mereka menampakkan perhiasan mereka kecuali apa yang biasa Nampak darinya, dan hendaklah mereka menutupkan kain selendang mereka sehingga ke dada-dada mereka, dan janganlah nampakkan perhiasannya kecuali kepada suami mereka, ayah mereka, ayah kepada suami mereka, anak-anak lelaki mereka, anak-anak lelaki suami mereka, saudara-saudara lelaki mereka, anak-anak lelaki saudara

lelaki mereka, anak-anak lelaki saudara perempuan mereka, wanita-wanita Islam, hamba-hamba yang mereka miliki, para pelayan lelaki yang tidak mempunyai keinginan terhadap wanita atau anak-anak yang belum mengerti tentang aurat wanita, dan janganlah mereka menghentakkan kaki mereka agar diketahui perhiasan yang mereka sembunyikan, dan bertaubatlah kamu sekalian kepada Allah, wahai orang-orang yang beriman agar kesemua kamu berjaya”.

Firman Allah Taala dalam surah *Al-Ahzab* ayat-33, mengenai larangan berhias secara berlebih-lebihan:

﴿وَقَرْنَ في بُيُوتِكُنَّ وَلَا تَبَرَّجْ اجْهَابَةً الْأُولَئِكَ﴾

Maksudnya: “Dan menetaplah kamu wahai kaum wanita di rumah-rumah kamu dan janganlah *bertabarruj* (melampau dalam berhias) seperti *tabarrujnya* kaum Jahiliyah yang dahulu”.

Islam juga menganjurkan kaum lelaki untuk menundukkan pandangan mereka ketika berhadapan dengan kaum wanita serta berada di belakang tabir ketika meminta sesuatu dari mereka atau hendak berinteraksi dengan mereka jika pekara ini memungkinkan.

Firman Allah Taala dalam surah *Al Ahzab* ayat ke-30:

﴿فُلْ لِلْمُؤْمِنِينَ يَعْصُوا مِنْ أَبْصَارِهِمْ وَيَحْفَظُوا فُرُوجَهُمْ ذَلِكَ أَنْجَى لَهُمْ إِنَّ اللَّهَ خَيْرٌ إِمَّا يَصْنَعُونَ﴾

Maksudnya: “Katakanlah kepada orang lelaki yang beriman, “hendaklah mereka menahan pandangannya dan menjaga kemaluannya, yang demikian itu adalah lebih suci bagi mereka, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui apa yang mereka perbuatkan”.

Firman Allah Taala dalam surah *Al Ahzab* ayat ke-33:

﴿وَإِذَا سَأَلْتُمُوهُنَّ مَتَاعًا فَاسْأَلُوهُنَّ مِنْ وَزَاءِ الْحِجَابِ ذَلِكُمْ أَطْهَرُ لِفُلُوبُكُمْ وَقُلُوبِهِنَّ﴾

Maksudnya: “Dan jika kamu meminta sesuatu kepada mereka (isteri-isteri) Nabi maka mintalah dari belakang tabir kerana yang itu adalah lebih suci bagi hati kamu dan hati mereka . . .”.

Syarik menetapkan kesemua hukum ini keatas kaum wanita demi menjaga maruah dan keselamatan mereka. Mbenarkan mereka menari di khalayak ramai walau dengan melenggangkan tangan akan mengoyakkan *maqasid* pensyariatan ini dan akan membuka pintu fitnah walaupun sedikit. Tarian wanita di khalayak ramai hendaklah dihalang dan tidak diperbolehkan sama sekali demi menutup pintu fitnah dan kerosakan yang akan berlaku keatas diri wanita tersebut atau mereka yang melihat tariannya.

## TARIAN SECARA BERKUMPULAN:

Dimaksudkan dengan tarian berkumpulan adalah terdapat penari lelaki dan wanita yang mempersesembahkan sesbuah tarian itu. Tarian jenis ini akan membawa kepada percampuran yang diharamkan antara lelaki dan wanita.

Terkadang ia juga membawa kepada sentuhan dari kalangan bukan mahram dan menampilkan bentuk tubuh serta aurat.

Baginda s.a.w sangat mengambil berat soal percampuran antara lelaki dan wanita sehingga Baginda menjadikan pintu yang khusus bagi kaum wanita di masjid sehingga tidak terjadi percampuran ketika para Jemaah hendak keluar daripada masjid. Ibnu Umar meriwayatkan bahawa Baginda bersabda: "Jadikanlah pintu ini khusus untuk para wanita" (Hadis. Abu Daud. Tt. Kitab: Sembahyang, #464). Bahkan Baginda juga tidak akan beredar dari masjid kecuali setelah para wanita keluar darinya (Hadis. Al Bukhari: 1986. Kitab: Azan. #870). Jikamana itu sifat Baginda di dalam masjid maka terlebih lagi apabila berada di tempat umum dan terlebih lagi apabila sedang melakukan perbuatan yang memungkinkan membangkitkan syahwat atau terlihat aurat.

### **TARIAN WANITA SESAMA SENDIRI:**

Gerakkan dalam tarian pada kebiasaannya akan melihatkan aurat atau bentuk badan. Nabi s.a.w telah melarang wanita melihat kepada aurat wanita dalam sabda Baginda: "Janganlah seorang lelaki melihat kepada aurat seorang lelaki lain dan jangan pula seorang wanita melihat kepada aurat wanita lain" (Hadis. Muslim. 1998. Kitab: Haid, #338).

Kemudian tarian wanita sesama mereka sendiri walaupun ianya tidak membuka aurat tetapi berkemungkinan akan terbit fitnah darinya apabila gaya tarian wanita itu disifatkan kepada lelaki yang bukan mahram seperti seorang wanita menceritakan tarian sahabatnya kepada suaminya dan seumpama itu. Nabi s.a.w telah melarang perkara seperti ini dengan sabdanya: "Janganlah seorang wanita menyentuh wanita lain kemudian dia menyifatkan wanita yang disentuh olehnya kepada suaminya sehingga seakan suaminya itu melihat kepada wanita tersebut" (Hadis. Al Bukhari. 1986. Kitab: An Nikah. #5241).

Demi untuk menutup pintu kerosakan dan fitnah amat tidak digalakkan seseorang wanita itu menari walaupun dihadapan para wanita lain tanpa dihadiri oleh kaum lelaki. Ini kerana dikhawatirkan tariannya itu akan disifatkan kepada para lelaki sehingga seolah-olah mereka melihatnya menari. Jika berkeinginan juga untuk menari maka hendaklah dengan gerakkan yang sangat minima dan terhad. Seperti melambaikan tangan atau gerakkan yang dilakukan dalam keadaan duduk tanpa memerlukan gerakkan yang agresif.

Penulis tidak mendapatkan sebarang riwayat yang menunjukkan kaum wanita pada zaman Nabi s.a.w atau para sahabat melakukan tarian walaupun sesama sendiri. Riwayat yang menyebutkan para wanita menyanyi dalam kalangan mereka tidak pula menunjukkan terdapat sebarang tarian yang dipersembahkan. Ini menunjukkan penjagaan Islam terhadap maruah kaum wanita.

### **BATASAN DAN SIFAT TARIAN MAULID:**

Tujuan majlis maulid adalah untuk mendekatkan seseorang itu kepada ajaran Nabi s.a.w, lebih mengenalkan Baginda melalui pembacaan sejarahnya dan

kemuncaknya adalah membangkitkan rasa sayang, rindu dan gembira terhadap diri Nabi Muhammad s.a.w.

Berkata Imam As Sayuthi: Pengisian majlis maulid hendaklah berupa apa sahaja yang membawa kepada mensyukuri nikmat Allah Taala (berupa bernabikan Nabi Muhammad s.a.w) seperti membaca Al Quran, memberi jamuan, bersedekah . . . tidak mengapa juga untuk mengadakan sesuatu yang membangkitkan kegembiraan terhadap hari kelahiran Nabi s.a.w seperti nyanyian, permainan dan seumpamanya selagimana ia adalah pekara yang diharuskan. Akan tetapi jika ia adalah pekara yang diharamkan atau makruh maka hendaklah ditegahnya. (As Sayuthi: T.t).

Imam As Sayuthi berdalil dalam mengharuskan setiap pekara yang membangkitkan kegembiraan untuk diadakan dalam majlis maulid dengan perbuatan sebilangan sahabat Nabi r.a. Diantara mereka yang *berhajal* seperti yang tersebut dalam riwayat diatas, ada pula yang memukul rebana atas keselamatan Nabi s.a.w (At Termizi: 1983, Kitab: Manaqib #4022), sebahagian mereka pula melaungkan syair dan melambaikan pelepas kurma tanda kegembiraan terhadap Baginda s.a.w. (ibnu Hisyam: 1996).

Walaupun tarian yang dipersembahkan dalam majlis maulid itu menepati batasan-batasan yang telah disebutkan diatas namun apabila diadakan dalam majlis maulid perlu di ambil kira beberapa faktor.

1- Tarian itu tidak mengalih tumpuan mereka yang hadir daripada maksud dan tujuan sebenar majlis maulid iaitu mengingati Nabi s.a.w dan perjuangan Baginda. Jikamana sesebuah tarian itu dapat menganggu tujuan utama dariapda majlis maulid seakan para hadirin ketawa terbahak-bahak bila menyaksikannya maka ia tidak seharusnya berada dalam majlis tersebut. Ini disebabkan tujuan akhir daripada seni kebudayaan Islam adalah untuk mengingat Allah Taala dan ajaran yang dibawa RasulNya s.a.w,. Demikian itu adalah konsep seorang muslim yang mengaitkan setiap kegiatan yang dilakukannya dengan Allah Taala. (Takari & Dja'far: 2007).

2- Cara dan gaya tarian itu mestilah melambangkan keperibadian Nabi s.a.w seperti kelembutan, malu, menghormati dan sebagainya. Ini disebabkan tarian itu pada kebiasaannya berasaskan sosio ekonomi, kebudayaan, kesopanan dan nilai-nilai lain yang terdapat dalam sesebuah kaum dan bangsa. Maka dalam menstrukturkan sebuah tarian perlu diimbangi organisasi sosio ekonomi, agama dan politik sehingga ia melambangkan identiti sesebuah bangsa atau melambangkan sifat seseorang yang hendak diketengahkan melalui tarian itu (Wan Muhammad Afiq & Shariah Kartini: 2017).

Maka tarian dalam majlis maulid tidak seharusnya melambangkan kekerasan, kekejaman dan kebencian atau kritikan terhadap agama lain. Ia juga tidak seharusnya dilakukan secara sembarangan tanpa mempunyai sebarang aturan atau hanya mengikuti keinginan seseorang. Pekara ini hanya akan menjadikan tarian itu sia-sia dan menghilangkan tujuan maulid serta akan menggambarkan bahawa agama yang dibawa oleh Nabi s.a.w itu tidak mempunyai peraturan.

Bahkan tarian itu hendaklah bernaafaskan dan mengajarkan moral dan nilai-nilai keislaman dan selalu membangkitkan norma yang berlaku dalam kepercayaan dan budaya Islam. Sesebuah seni itu tidak akan dianggap sebagai seni Islam atau sekurang-kurangnya diiktiraf oleh Islam kecuali jika terdapat pesanan kepada kebaikan yang ingin digambarkan dan disampaikan melaluiinya (Nasution: 2017). Seni tari Islam bukanlah gerakkan kosong semata-mata yang tidak mempunyai sebarang falsafah disebaliknya, bahkan nilai dan ajaran Islam itu dilembagakan dalam gerak tari yang disusun rapi.

Ketikamana falsafah dalam tarian itu dapat dihayati dan disampaikan dengan baik oleh penari, mesej yang terkandung di dalamnya pasti akan dapat dihadam dan memberi kesan kepada mereka yang menyaksikannya. Nilai kesenian dalam sebuah tarian itu meningkat apabila terdapat penambahan dari segi wirama (rentak muzik), wirasa (penjiwaan dan ekspresi wajah) dan etika keindahan di samping pakaian yang disesuaikan (Kuswarsantoyo: 2012. Aji Nahari: 2017).

Contoh yang amat baik dalam pekara ini adalah apa yang diperkenalkan wali songo dalam perjalanan dakwah mereka dari seni tambang dan sebagainya seperti yang disebutkan diatas. Begitu juga dengan Ar-Rumi ketika mengenalkan tarian yang kemudiannya mayshur dengan ungkapan tarian sufi. Gerakkan dan pakaian dalam tarian itu mengandungi makna tertentu yang apabila disampaikan dengan penghayatan lalu ia difahami dengan baik akan melahirkan kesedaran dan kesan dalam peribadi seseorang. Ringkasnya ketika mana penghayatan ini dirasai barulah seni itu membawa hasil dalam berdakwah.

3- Menjaga keadaan ruang dan batasan jangka masa. Dalam sesebuah seni tari, terdapat tiga komponen utama iaitu gerak-geri, ruang dan masa selama mana tarian itu dipersembahkan (Nasution: 2017). Andai keadaan ruang tidak mengizinkan untuk melakukan tarian maka hendaklah ia ditinggalkan atau hanya dilakukan dalam keadaan duduk sahaja. Kerana mempersembahkan tarian dalam keadaan ruang yang sempit akan mengganggu dan mendatangkan keadaan tidak selesa kepada para hadirin.

Demikian juga perlu dijaga batasan waktu agar mananya tidak membosankan dan menjengkelkan mereka yang hadir apabila tarian itu terlalu lama sehingga menghilangkan tujuan asal dari maulid itu sendiri.

4- Tidak membawa fitnah dan kerosakkan kepada masyarakat dalam segi akidah atau akhlaq. Seperti meyakini bahawa Nabi s.a.w mesti hadir jika sesebuah tarian atau bacaan itu dipersembahkan.

## **KESIMPULAN:**

Budaya dan seni boleh saja digunakan untuk metode dakwah, selama tidak bertentangan dengan nilai-nilai dalam Islam. Antara cabang budaya adalah seni tarian. Sejarah menunjukkan bahawa tarian telah diterima oleh ummat Islam semenjak berkurun lamanya. Penerimaan ini adalah berdasarkan beberapa periyawatan yang menunjukkan Baginda s.a.w mendiamkan tarian apabila ia dipertontonkan dihadapan Nabi. Tarian juga telah digunakan sebagai sarana dan

metode dakwah oleh beberapa pendakwah Islam dengan meniupkan nilai-nilai keislaman di dalamnya. Persembahan tarian dalam majlis maulid adalah sebagai ungkapan kegembiraan. Akan tetapi ia mestilah dibataskan dengan beberapa batasan yang telah disebutkan di dalam kajian ini. Alangkah baiknya juga jika dapat diciptakan sebuah tarian yang sarat dengan makna yang menunjukkan keperibadian dan perjuangan Nabi Muhammad s.a.w, agarmanya tarian itu menjadi sarana dakwah dan bukan sebuah persembahan yang kosong atau hanya suka-suka sahaja.

## RUJUKAN:

- Al Quran Al Karim.
- Abu Daud, Sulaiman bin Al Aysats As Sajistani. Tt. *Sunan Abi Daud*. Beirut: Dar Al Fikr.
- Aji Nahari, Dian Solihat. 2017. *Seni Tari. Indonesia*. Universiti Muhammadiyah Purwokerto.
- Al Asfahani, Abu Nuaim Ahmad bin Abdullah. Tt. *Hilyatul Awliya*. Beirut: Dar Al Fikr.
- Al Baghdadi, Abdur Rahman. 1991. *Seni dalam pandangan Islam*. Jakarta: Gema Insan Press.
- Al Baihaqi, Ahmad bin Hussain. 2005. *As Sunanul Kubra*. Beirut: Dar Al Fikr.
- Al Baihaqi, Ahmad bin Hussain. 2007. *Dalail An Nubuwah*. Kaherah: Dar Al Hadis.
- Al Balkhi, Nizammuddin. 1986. *Al Fatawa Al Hindiyah*. Beirut: Dar Ihya Turath Al Arabi.
- Al Bukhari, Muhammad bin Ismail. 1986. *Sahih Al Bukhari* (Di cetak bersama Fathul Bari). Kaherah: Dar Ar Rayyan lit Turath.
- Al Bukhari, Muhammad bin Ismail. Tt. *Al Adabu Al Mufrad*. Kaherah: Maktabah At Taufiqiyah.
- Al Ghazali, Muhammad bin Muhammad. 1986. *Ihya Ulum Ad Din*. Beirut: Dar Al Kutub Al Ilmiyah.
- Al Haithami, Ahmad bin Muhammad. Tt. *Kaffu Ria'a an Muhamarratil Lahwi was Sima'*. Kaherah: Maktabah Al Quran.
- Al Jamal, Sulaiman. 2016. *Hasyiah Sheikh Sulaiman Al Jamal ala Syarhi Al Minhaj*. Beirut: Dar Ihya Turath Arabi.
- Al Mubarakafuri, Muhammad Abdur Rahman. 1998. *Tuhfatul Ahwazi*. Beirut: Dar Ihya Turath Al Arabi.
- Al-Halabi, Ali bin Ibrahim. 2008M. *Sirah Al-Halabiyyah*. Bairut: Darul Kutubil Ilmiyah.
- Ar Raml, Muhammad bin Syihab. 2012. *Nihayatul Muhtaj ila Syarhil Minhaj*. Kaherah: Al Maktabah At Taufiqiyah.
- As Syarbini, Muhammad Al Khatib. Tt. *Mughni Al Muhtaj*. Beirtu: Dar Al Fikr.

- As-Sayuthi, Abdur Rahman bin Abi Bakar. Tt. *Al-Hawi lil Fatawi*. Beirut: Darul Fikr.
- At Termizi, Muhammad bin Isa. 1983. *Sunan At Termizi*. Beirut: Dar Al Fikr.
- At Thabrani, Sulaiman bin Ahmad. 1995. *Al Mu'jam Al Awsath*. Keherah: Dar Al Haramain.
- Az Zubaidi, Muhammad Murthada. 1994. *Tajul A'russ min Jawahiril Qamus*. Kuwait: Matba'h Hukumah Al Kuwait.
- Azhar Ibrahim. 2012M. "Sejarah Islam di Asia Tenggara" seminar. 30 March.
- Banansirah, Salim. 2012. *Hal Syara man qablana Syarun lana?* Damsyiq: Majalah Manar Islam (Jan).
- Hasan Salah. 2007M. *Qawa'idul Fiqhil Islami baina nazariyah wat thadbiq*. N.pl.
- Hidayat Ihsan. 2001M. *Sunan Drajjat dalam lagenda dan sejarahnya*. N.pl.
- Ibnu Abdis Salam. Tt. *Qawa'idul Ahkam fi Masalihil Anam*. Damsyiq: Darul Qalam.
- Ibnu Abidin, Muhammad Amin. 2003. *Raddul Mukhtar ala Durril Mukhtar*. Beirut: Dar Al Kutub Al Ilmiyah.
- Ibnu Hibban, Muhammad. 1993. *Sahih Ibnu Hibban*. Beirut: Muassasah Risalah.
- Ibnu Hisyam, Abdul Malik Al Humairi. 1996. *As Sirah An Nabawiyah*. Damsyiq: Darul Khair.
- Ibnu Kathir, Ismail. 1984. *Tafsir ibnu Kathir*. Beirut: Dar Al Andalus.
- Ibnu Manzur. 1999. *Lisanul A'rab*. Beirut: Dar Ihya Turath A'rabi.
- Ibnu Mufligh, Muhammad. 1997. *Al Furu'*. Beirut: Dar Al Kutub Al Ilmiyah.
- Idris, Abdul Fattah Mahmud. 1997. *Mauqif As Syariah Al Islamiyah minal Raqs*. Mesir: Maktabah Al Azhariyah lit Turath.
- Jalban, Muhammad bin Ibrahim. 1434H. *Syara man qablana*. Saudi: Jamiah Al Imam Muhammad bin Saud.
- Kamus Dewan. 2015. Selangor: Ultimate Print Sdn Bhd.
- Kuswarsantoyo. 2012. *Pelajaran tari: image dan kotoribusinya terhadap pembentukan karakter anak*. Jurnal seni tari. Vol.3. Yogyakarta: Jurusan tari fakulti seni pertunjukkan.
- Muslim bin Al Hajjaj. 1998. *Sahih Muslim*. Riyadh: Bait AL Afkar Ad Dauleyah.
- Nasution, Nur Aminah. 2017. *Seni Islam sebagai media dakwah*. Jurnal sejarah peradaban Islam Vol.1 No.2.
- Takari, Muhammad & Dja'far, Fadlin bin Muhammad. 2007. *Seni budaya dalam peradaban Islam: Kelestarian dan cabaran*. Seminar: "Kebudayaan sebagai wahana keamanan", 3Hb Feb, Pattani.
- Umar Hasyim. 1983M. *sunan Muria antara fakta dan lagenda*. Surabaya: Menara Kudus.
- Unit Dakwah Masjid Al Firdaus. 2006M. *Al-A'lamun naqshi fi zikri manaqib Habib Nuh Al Habsyi*. Singapura: Npb.
- Wahyuni, Putri Ayu. 2017. *Tari Sepen di Kampung Arab Taliwang*. Surakarta: Institut Seni Indonesia.

Wan Muhammad Afiq & Shariah Kartini. 2017. *Geometri dalam seni tarian traditional Melayu*. Proseding: Seminar Sains dan Teknologi Malayonesia (SSTM2017).